

06/11/1997

Tutup mulut: Mahathir (HL)

Manja Ismail; Mutazar Ghani; Faizal Fadzil; Ebi Azly Abdullah
KUALA LUMPUR, Rabu - Negara maju harus berhenti mendesak negara membangun menghormati undang-undang jika mereka tidak bersedia menerima tuntutan Kumpulan 15 (G-15) supaya diadakan peraturan bagi urus niaga mata wang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Memberitahu sidang akhbar bersama ketua negara G-15 selepas sidang kemuncak ketujuh kumpulan itu berakhir hari ini, Perdana Menteri menegaskan jika negara Utara benar-benar berpegang kepada prinsip moral dalam semua perkara, mereka perlu akur urus niaga mata wang juga memerlukan undang-undang.

"Di satu pihak, negara Utara menuntut supaya peraturan undang-undang dihormati oleh semua kerajaan tetapi di satu pihak lagi, tidak perlu ada peraturan dalam urus niaga mata wang.

"Ini kami tidak faham. Jangan datang dan memberitahu kami bahawa anda mahu melihat wujudnya undang-undang di negara kami jika anda sendiri tidak berperaturan.

"Jika anda sendiri tidak mahu mempunyai peraturan dan syarat (dalam urus niaga mata wang), jangan berkhotbah kepada kami. Tutup sahaja mulut," kata Dr Mahathir yang juga Pengerusi G-15 kali ini.

Beliau diminta memberi pandangan mengenai cadangan Malaysia yang kemudian mendapat sokongan negara lain termasuk oleh Sidang Kemuncak G-15 kali ini, supaya diadakan peraturan dalam urus niaga mata wang, sedangkan negara maju keberatan menerimanya.

Sidang kemuncak kali ini memutuskan supaya menteri kewangan, gabenor bank pusat dan pihak berkuasa berkaitan dari negara anggota mengadakan mesyuarat dengan dipengerusikan oleh Malaysia mengenai isu itu.

Cadangan mesyuarat itu akan diserahkan untuk pengesahan ketua kerajaan sebelum diserahkan kepada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia.

Sidang Kemuncak G-15 kelapan akan diadakan di Kaherah, pada Mei depan.

Sambil menegaskan soal sama ada cadangan G-15 kepada IMF dan Bank Dunia nanti boleh dilaksanakan atau tidak adalah isu berasingan, Dr Mahathir berkata apa yang penting kumpulan itu memberikan cadangan.

Walaupun enggan menyatakan bentuk cadangan Malaysia kepada IMF mengenai peraturan itu, Perdana Menteri berkata, yang jelas ialah dalam setiap perniagaan, ia mesti mempunyai bentuk pasaran sebenar.

"Sumber dari mana wang itu datang perlu diketahui kerana ada wang panas dan ada duit haram.

"Kita bercakap mengenai wang berbilion. Jika seseorang datang dengan duit yang banyak, kita mahu tahu dari mana ia datang.

"Kita tidak tahu cukai apakah yang dibayar kerana lazimnya, mereka yang membuat duit perlu membayar cukai.

"Mereka (peniaga mata wang) perlu berbuat demikian untuk masyarakat. Oleh itu, peraturan harus digubal supaya mereka membayar cukai yang sepatutnya," kata Dr Mahathir sambil menambah, orang ramai masih boleh membuat spekulasi walaupun ada peraturan itu.

Kepada satu soalan, Perdana Menteri menolak anggapan kononnya sidang kemuncak kali ini dikuasai oleh isu mata wang sehingga menenggelamkan isu lain yang tidak kurang pentingnya kepada negara membangun.

"Soal itu tidak timbul kerana banyak isu lain yang dibincangkan.

"Semua ketua kerajaan bersetuju bahawa isu makro ekonomi penting kepada semua negara membangun.

"Globalisasi, liberalisasi dan deregulasi sebahagian besarnya didesak oleh negara Utara.

"Ketua kerajaan melihat perubahan dan idea boleh menjejaskan ekonomi negara mereka," katanya.

Menurut Dr Mahathir, fokus sidang kemuncak kali ini terhadap krisis mata wang bukan semata-mata kerana rantau ini menjadi mangsa tetapi ia juga berlaku di Amerika Latin.

Oleh itu, ketua kerajaan berpendapat, isu terbabit perlu dikaji serta meminta IMF dan Bank Dunia mengkaji kemungkinan memperkenalkan peraturan.

(END)